

UMS Kampus Labuan sedia bantu tingkat keyakinan pelajar sekolah

NSR 11/10/2012 9
LABUAN : Ahli akademik Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) bersedia membantu meningkatkan motivasi dan keyakinan diri murid sekolah rendah di Wilayah Persekutuan Labuan.

Pengarah kampus itu, Prof Madya Dr Ismail Ali berkata penyarah Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SP-KAL) dan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) tidak mempunyai masalah untuk memberikan motivasi khususnya dalam meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris.

Katanya, usaha murni itu bagi menggalakkan murid sekolah rendah mempelajari dan menguasai bahasa kedua itu selain mahir dalam Bahasa Melayu, Matematik dan Sains.

Justeru itu katanya, kerjasama padu antara UMS-KAL dengan Jabatan Pelajaran Labuan akan diadakan selaras dengan hasrat universiti untuk mendampingi masyarakat tempatan secara dekat.

"Kita akan membantu menaikkan semangat murid sekolah rendah terutama dalam menguasai Bahasa Inggeris di samping mata pelajaran yang lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan kunjungan hormat ter-



TANDA KENANGAN Dr Ismail (lima kanan) menyampaikan cenderamata kepada Mistirine diperhatikan pegawai kanan UMS-KAL di Jabatan Pelajaran Labuan, kelmarin.

hadap Pengarah Jabatan Pelajaran Labuan, Mistirine Radin di pejabatnya di Tingkat 10, Kompleks Ujana Kewangan Labuan, kelmarin.

Turut bersama beliau ialah Timbalan Pendaftar, Zamri Mohamad Tuah, Pustakawan Kanan, Baharin Entoh, Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Norhanizah Adnan, Pegawai Belia dan Sukan, Gabriel Moinjil, Penyarah PPIB, Shabir dan Pegawai Khas Dr Ismail, Suffian Osman.

Hadir sama Ketua Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan, Norismah Abd Moin.

Dr Ismail juga mengalu-alukan kunjungan pelajar tingkatan enam SMK Labuan dan SMK Lajau ke perpustakaan UMS-KAL untuk menambah ilmu pengetahuan mereka.

Sementara itu, Mistirine turut menawarkan Pusat Kokurikulum Jabatan Pelajaran Labuan di Ganggagak untuk digunakannya oleh warga UMS-KAL untuk menjalankan aktiviti perkhemahan dan riadah.

Katanya, banyak kemudahan asas dan kepakaran dimiliki jurulatih di pusat kokurikulum itu yang boleh dikongsi dengan warga universiti.
-Oleh JAINUDIN DJIMIN jainudin@newsabahtimes.com.my